



## MAJLIS SUKAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Aras 2, Blok 1, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8892 6600 Faks: 03-8892 6616

Laman web: [www.wipers.gov.my](http://www.wipers.gov.my)

# SIARAN MEDIA

## UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

### KARNIVAL SUKAN WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA SEMPENA SAMBUTAN HARI WILAYAH PERSEKUTUAN 2019

**PUTRAJAYA, 17 FEBRUARI** – YB Tuan Haji Khalid bin Abd Samad, Menteri Wilayah Persekutuan hari ini menyempurnakan Karnival Sukan Wilayah Persekutuan Peringkat Putrajaya di Kompleks Futsal Presint 18, Putrajaya bagi menyemarakkan lagi sambutan Hari Wilayah Persekutuan kali ke-15.

Karnival Sukan anjuran Kementerian Wilayah Persekutuan, Majlis Sukan Wilayah Persekutuan dan Perbadanan Putrajaya adalah salah satu program yang telah dirancang khusus untuk meraikan warga Wilayah Persekutuan pada tahun ini.

Tujuan utama penganjuran Karnival Sukan ini adalah salah satu usaha untuk menerapkan budaya sukan dalam gaya hidup warga kota tanpa mengira peringkat usia, jantina mahupun kaum sekaligus menyemai semangat bersatu padu dalam kalangan komuniti.

Pelaksanaan Karnival Sukan kali ini melibatkan kira-kira 3,000 peserta melalui tujuh (7) acara sukan yang dipertandingkan antaranya sukan Bola Jaring, Bola Keranjang, Futsal, Tarik Tali, Muay, *Fun Walk* dan sukan elektronik (e-Sports) yang kini semakin mendapat perhatian terutama golongan muda.

Aktiviti sukan seperti ini akan diteruskan terutama di peringkat akar umbi sebagai amalan kepada komuniti setempat untuk melahirkan warga kota yang sihat dan sukan dapat dijadikan sebagai wadah perpaduan dalam kalangan rakyat pelbagai kaum dan agama.

Malah, melalui penganjuran aktiviti sukan ini juga diharap dapat melahirkan bakat baru yang berpotensi menyumbang ke arah kecemerlangan sukan di Wilayah Persekutuan dan negara.

**Disediakan Oleh:**

**Unit Komunikasi Korporat**

**Majlis Sukan Wilayah Persekutuan**